



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

**KEDAH PERHEBAT JELAJAH PADU BERSAMA KOMUNTI
SIAM, PENGEMASKINIAN PADU PENDUDUK KEDAH
MENCECAH 33.9 PERATUS**

PENDANG, 24 MAC 2024 – Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. PADU ini dihasilkan dengan penyatuan data profil individu dari pelbagai agensi kerajaan dan menjadikan ianya pangkalan data yang komprehensif dan *real/near real-time* bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada rakyat. Sistem yang dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam ini berperanan untuk memastikan rakyat warganegara Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Objektif pembangunan PADU merupakan sebahagian daripada usaha ke arah Kerajaan Berteknologi Termaju atau *GovTech* melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan “near real time” yang membolehkan analitik data yang lebih tepat dihasilkan. Selain itu, data sebagai aset strategik negara bagi pembuatan keputusan utama kerajaan mengimbangi kedudukan fiskal melalui pendekatan dasar secara bersasar dan menstruktur semula ekonomi Negara.

Sistem PADU dibangunkan atas dasar untuk menambah baik pengurusan bantuan & subsidi; memantapkan pengurusan bencana & krisis; menangani isu ketidaksepadanan pekerjaan & pendidikan; mengatasi kesenjangan perlindungan sosial dan pemangkin kepada Kerajaan Digital (Smart Government).

Di negeri Kedah, sejumlah 1,599 kaunter fizikal PADU telah dibuka sepanjang tempoh pelaksanaan PADU sehingga ke hari ini. Modus operandi pengisian PADU di Kedah menumpukan kepada program Siri Jelajah bagi menyantuni penduduk di kawasan luar bandar, komuniti warga emas, program-program kemasyarakatan anjuran bersama komuniti, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri/ Parlimen, Pusat Komuniti Desa (PKD) dan *hotspot* di UTC, pusat membeli-belah dan lain-lain. Untuk penduduk bandar pula, sejumlah 15 kaunter fizikal tetap dibuka di 12 Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan Pejabat DOSM Kedah (Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi). Bagi memastikan pengemaskinian PADU berjalan dengan lancar sehingga 31 Mac 2024, DOSM Kedah bakal membuka 57 kaunter jelajah pada minggu terakhir Mac 2024 dan kaunter fizikal tetap dibuka setiap hari termasuk cuti hujung minggu. Pemakluman lokasi Siri Jelajah PADU dan kaunter tetap PADU di negeri Kedah dikemaskini dari semasa ke semasa dan dimuat naik di media sosial di *facebook*, *X*, *TikTok* rasmi DOSM Kedah sebagai hebahan untuk orang awam.

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah hadir ke Siri Jelajah PADU bersama komuniti Siam di Kampung Tok Set, Pendang. Berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, penduduk warganegara berketurunan Siam di Kedah berjumlah 21,262 orang iaitu 49.4% berbanding keseluruhan etnik tersebut di Malaysia. Sehingga 23 Mac 2024, pendaftaran PADU

di Kedah berjumlah 0.53 juta orang atau 33.9 peratus berbanding anggaran 1.5 juta penduduk Kedah yang berumur 18 tahun ke atas. YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan juga menyeru agar semua penduduk Kedah mengambil peluang berbaki 8 hari sebelum pengemaskinian PADU ditutup pada 31 Mac 2024.

Sekiranya terdapat kesukaran dalam mengemaskini maklumat PADU, anda boleh hadir ke:

- i. Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Kedah di Wisma Persekutuan Anak Bukit; Wisma Ria, Sungai Petani atau Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi;
- ii. Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) berhampiran; atau
- iii. Lokasi Siri Jelajah PADU di seluruh negeri Kedah yang boleh dicapai di pautan media sosial DOSM Kedah.

Petugas daripada DOSM Kedah akan membantu anda membuat pendaftaran dan mengemaskini maklumat.

Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720/1-800-88-7721 ;
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA:
<https://padu.spab.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah

24 Mac 2024